



**SIARAN AKHBAR
UNTUK SIARAN SEGERA**

**MIDF SERAH ZAKAT BAGI PEMBINAAN PUSAT HEMODIALISIS DI
PERLIS**

Kangar, Perlis, 6 September 2017 – Kumpulan Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF) telah menyerahkan zakat perniagaan berjumlah RM1 juta kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) bertempat di Rumah Kanak-kanak Arau di Perlis pada hari ini.

Zakat berjumlah RM1 juta tersebut bakal digunakan untuk pembinaan sebuah pusat hemodialisis di Hospital Tuanku Fauziah di Kangar, Perlis. Pengarah Urusan Kumpulan MIDF Dato' Mohd. Najib Hj. Abdullah telah menyerahkan zakat tersebut kepada DYTM Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail merangkap Yang DiPertua MAIPs. Turut hadir di majlis tersebut adalah DYTM Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah Khalil.

MIDF telah bekerjasama dengan Majlis Agama Islam dan Adat-Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) sejak tahun 2010 dalam pelaksanaan beberapa program tanggungjawab sosial korporat (CSR). Program Rumah Murni MIDF atau PRMM merupakan salah satu program tanggungjawab sosial korporat utama MIDF dan setakat ini MIDF telah membina 59 buah rumah di bawah program tersebut. 10 buah rumah terbaru diserahkan secara rasmi kepada keluarga penerima pada suku pertama tahun 2017.

MIDF turut bekerjasama dengan MAIPs dan Jabatan Pendidikan Negeri Perlis (JPN Perlis) dalam penyediaan pusat tuisyen bantuan penuh Pusat Celik Minda

bertempat di Taman Desa Asnaf yang sekarang memberi khidmat tuisyen percuma kepada 80 anak-anak asnaf. Pusat tersebut kini dalam tahun ketiga operasinya.

Antara hasil kerjasama yang lain adalah pembinaan 7 tadika Islam, pembinaan Dewan Makan di Sekolah Menengah Agama Islahiyah, Dewan Serbaguna di rumah Perlis, Kaherah, dan pemberian komputer terpakai.

Pengarah Urusan Kumpulan MIDF Dato' Mohd. Najib Hj. Abdullah berkata bahawa niat MIDF menyumbang kepada pembinaan pusat hemodialisis tersebut adalah kerana semakin ramai rakyat Malaysia yang berhadapan dengan penyakit buah pinggang kronik maka lebih banyak pusat perkhidmatan hemodialisis tersebut diperlukan.

Pembinaan Bangunan MAIPs Pusat Perkhidmatan Hemodialisis Hospital Tanku Fauziah dijangka bermula pada Januari 2018 dan bakal siap pembinaan pada penghujung tahun 2018.

###

Mengenai MIDF

Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF) merupakan sebuah kumpulan syarikat kewangan bersepadu yang terdiri daripada Jabatan Kewangan Pembangunan yang berhubungan terus dengan MITI, MIDF Amanah Investment Bank Berhad dan MIDF Amanah Asset Management Berhad. MIDF yang dimiliki penuh oleh Permodalan Nasional Berhad, menawarkan produk dan perkhidmatan kewangan kompetitif dan dinamik dari aspek skim bantuan SME, pelaburan amanah saham korporat dan perbankan pelaburan korporat. Berikutan penggabungan MIDF dengan Amanah Capital Partners Berhad pada tahun 2003,

pembelian Utama Merchant Bank Berhad (UMBB) pada 2004 dan pembentukan MIDF Amanah Investment Bank Berhad, Kumpulan MIDF kini muncul sebagai sebuah syarikat yang lebih teguh dan kukuh.

###

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Anita Ramly
Komunikasi Korporat Kumpulan
Tel: (03) 2173 8756
Faks: (03) 2173 8866
HP: (019) 332 4809
Emel: anita.ramly@midf.com.my